

**KUALITI GURU BAHASA MELAYU YANG CEMERLANG
DI SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH
KINTA UTARA, PERAK.**

NADZERI BIN HASSAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kualiti guru Bahasa Melayu yang cemerlang di sebuah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak. Reka bentuk kajian yang dilaksanakan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan program analisis maklumat kualitatif untuk menganalisis data. Kajian dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di pekan Tanjong Rambutan. Peserta kajian terdiri daripada dua orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Pengkaji menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen untuk mengumpulkan maklumat serta data berkaitan kajian. Berdasarkan dapatan kajian ini, empat aspek kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu boleh diamalkan oleh guru-guru, iaitu berpengetahuan, berkemahiran, memiliki personaliti dan kepimpinan yang berkesan, dan mampu mewujudkan hubungan interpersonal yang baik. Sehubungan dengan itu, model guru yang cemerlang yang dihasilkan dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai satu landasan oleh Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah untuk memilih guru yang cemerlang dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

QUALITY OF EXCELLENCE MALAY LANGUAGE TEACHER IN A SCHOOL IN NORTHERN KINTA DISTRICT, PERAK.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the excellent quality of Malay Language teachers at a school in Northern Kinta District, Perak. The design of the study was in qualitative form and implemented with the use of qualitative analysis programme to analyze the data. The study was conducted at a secondary school in the town of Tanjong Rambutan. Participants were two teachers who teach the Malay Language in schools. The researcher used interviews, observations and document analysis to collect the information and data related to the study. The study found that, four aspects of excellence in the teaching Malay Language can be practiced by teachers, namely knowledge, skillful, having effective leadership and personalities and able to create a good interpersonal relationship. Therefore, model of excellent teachers found in this study can be used as a basis by the Ministry of Education and schools to select outstanding teachers in the teaching of the Malay Language.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 Guru Bahasa Melayu	10

1.8.2	Guru Yang Cemerlang	12
1.8.3	Guru Yang Berkualiti	13
1.9	Rumusan	15

BAB 2 SOROTON LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Model Ciri-Ciri Kualiti Cemerlang Guru Bahasa Melayu	18
2.3	Kajian Terdahulu Ciri-Ciri Kualiti Guru Yang Cemerlang	27
2.3.1	Pengetahuan	28
2.3.2	Personaliti dan Kepimpinan	31
2.3.3	Kemahiran	34
2.3.4	Hubungan Interpersonal	39
2.4	Dimensi Ciri-Ciri Kualiti Cemerlang	41
2.5	Gagasan Ciri-Ciri Kualiti Cemerlang	43
2.5.1	Pengetahuan	44
2.5.2	Personaliti Dan Kepimpinan	46
2.5.3	Kemahiran	48
2.5.4	Hubungan Interpersonal	49
2.6	Kerangka Konseptual Kualiti Guru Bahasa Melayu Yang Cemerlang	52
2.7	Rumusan	53

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 55

3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Pemilihan Peserta Kajian	56
3.4	Pemilihan Tempat Kajian	60
3.4.1	Latar Belakang Sejarah Sekolah	61
3.5	Instrumen Kajian	62
3.5.1	Kaedah Temu Bual Sebagai Instrumen Kajian	62
3.5.2	Kaedah Pemerhatian Sebagai Instrumen Kajian	65
3.5.3	Kaedah Analisis Dokumen Sebagai Instrumen Kajian	66
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	67
3.6.1	Kesahan	67
3.6.2	Kebolehpercayaan	69
3.7	Tatacara Pemerolehan Maklumat	69
3.8	Analisis Teks Temu Bual	72
3.9	Kerangka Metodologi Kajian	80
3.10	Rumusan	82

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Ciri-Ciri Kualiti Guru Bahasa Melayu Yang Cemerlang	85
4.3	Dapatan Kajian	86
4.3.1	Pengetahuan	86
4.3.1.1	Ilmu Pedagogi	88
4.3.1.2	Perancangan Pengajaran	90
4.3.1.3	Pemilihan Aktiviti Pengajaran	93

4.3.1.4	Penyediaan Modul Pengajaran	95
4.3.2	Hubungan Interpersonal	97
4.3.2.1	Komunikasi Dua Hala	98
4.3.3	Kemahiran	101
4.3.3.1	Kemahiran Mengendalikan ICT	101
4.3.3.2	Kemahiran Menguruskan Kelas	104
4.3.3.3	Kemahiran Mengajar	107
4.3.4	Personaliti dan Kepimpinan	109
4.3.4.1	Penampilan Diri	110
4.3.4.2	Bersemangat	112
4.4	Amalan-Amalan Berkualiti Cemerlang Dalam Pengajaran Guru	115
4.4.1	Pengetahuan	116
4.4.1.1	Ilmu Pedagogi	117
4.4.1.2	Merancang Pengajaran	121
4.4.2	Hubungan Interpersonal	124
4.4.2.1	Komunikasi Dua Hala	124
4.4.3	Kemahiran	126
4.4.3.1	Mengendalikan Komputer	127
4.4.3.2	Pengurusan Kelas	129
4.4.4	Personaliti	130
4.4.4.1	Penampilan Diri	131
4.4.4.2	Bersemangat	133
4.5	Rumusan	135

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	137
5.2	Perbincangan Dan Kesimpulan	138
5.2.1	Perbincangan Ciri-Ciri Kualiti Guru Bahasa Melayu Yang Cemerlang	139
5.2.2	Hasil Analisis Temu Bual	140
5.2.3	Hasil Analisis Pencerapan	146
5.2.4	Hasil Analisis Dokumen Dan Bahan Penulisan	152
5.2.5	Kesimpulan	155
5.3	Implikasi Dan Cadangan	155
5.4	Kajian Lanjutan	159
5.5	Kesimpulan	161
	RUJUKAN	163
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kesahan instrumen temu bual, pencerapan, dan analisis dokumen	68
3.2	Pemerolehan maklumat menggunakan instrumen temu bual dan pencerapan	70
3.3	Analisis maklumat dan data keseluruhan	76

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Teori pengajaran dan pembelajaran	19
2.2	Enam usaha yang perlu dilakukan ke arah pengembangan kualiti diri guru yang cemerlang	25
2.3	Ciri-ciri utama kualiti guru yang cemerlang	26
2.4	Model kualiti guru yang cemerlang	34
2.5	Empat komponen kemahiran abad ke-21 <i>enGauge</i>	38
2.6	Kerangka konseptual kualiti guru Bahasa Melayu yang cemerlang	52
3.1	Maklumat transkripsi temu bual	73
3.2	Pembahagian dan pengkelasan maklumat mengikut tema kajian	74
3.3	Analisis data temu bual	75
3.4	Kerangka metodologi kajian	80
4.1	Gagasan ciri-ciri kualiti cemerlang dalam pengajaran guru Bahasa Melayu	115
4.2	Contoh lakaran pengajaran Bahasa Melayu menggunakan teknik koperatif oleh peserta kajian	119

SENARAI SINGKATAN

ASBBBBP	Apa, Siapa, Bahasa Indah, Bila, Bagaimana, dan Penegasan
<i>FROG VLE</i>	<i>Virtual Learning Education</i>
<i>ICT</i>	<i>Information Communication Technology</i>
KOS	Kesimpulan, Oleh Yang Demikian, dan Secara Tidak Langsung
<i>NCREL</i>	<i>North Central Regional Educational Laboratory</i>
<i>OFSTED</i>	<i>Office for Standards in Education</i>
<i>OHP</i>	<i>Overhead Projector</i>
PBPS	Pendapat, Bukti, Pendirian, dan Salin Kehendak Soalan

SENARAI LAMPIRAN

A	Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian
B	Surat Permohonan Menjalankan Kajian Di Sekolah
B1	Surat Pemilihan Sebagai Peserta Kajian (Peserta Kajian Perempuan)
B2	Surat Pemilihan Sebagai Peserta Kajian (Peserta Kajian Lelaki)
C	Borang Pengesanan Pengajaran Dan Pembelajaran
D	Jadual Temu Bual Peserta Kajian
D1	Jadual Pencerapan Peserta Kajian
E	Sijil Perkhidmatan Cemerlang (Peserta Kajian Lelaki)
E1	Sijil Perkhidmatan Cemerlang (Peserta Kajian Perempuan)
F	Modul Bengkel Strategi Pengajaran Bahasa Melayu
F1	Modul Teknik Pengajaran Prosa Modern
F2	Modul Bahan Kecemerlangan SPM Bahasa Melayu
G	Sijil Sebagai Hakim Pertandingan Kokurikulum Akademik Peserta Kajian
H	Pasca Temu Bual (Peserta Kajian Lelaki)
H1	Pasca Temu Bual (Peserta Kajian Perempuan)
I	Rancangan Pelajaran Harian (Peserta Kajian Lelaki)
I1	Rancangan Pelajaran Harian (Peserta Kajian Perempuan)
J	Contoh Semakan Tugas Murid



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Profesionalisme merupakan nilai yang berkait rapat dengan fungsi pekerjaan. Menurut Sufean Hussin (1995, dalam Esah Sulaiman, 2004, ms. 207) nilai ini perlu wujud dalam diri seseorang yang matlamat pekerjaannya untuk mencapai keberkesanan, produktiviti, kecekapan, dan sikap bertanggungjawab. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan pemimpin transformasi yang terkehadapan dan berupaya menjadi pembina manusia baharu kerana guru berkemampuan mengubah umat, menggilap bakat, mengembangkan potensi, di samping membantu melestari dan menyegarkan keunggulan

agama serta budaya (Abd. Ghani Abdullah dan rakan-rakan, 2005, ms. 70). Justeru, untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab dalam profesion perguruan, seseorang guru perlu komited terhadap peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya, menjaga maruah diri, dan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa (Esah Sulaiman, 2004, ms. 207). Pada akhir bab rumusan, kajian bab ini akan memberikan tumpuan terhadap huraian ciri-ciri guru Bahasa Melayu yang cemerlang, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sufean Hussin (2005, ms. 3) menyatakan bahawa pendidikan ialah satu institusi sosial yang sudah wujud sejak tamadun manusia terawal dan ia berfungsi untuk mewariskan budaya, tradisi, ilmu, pemikiran, dan kemahiran hidup dari generasi ke generasi. Dari segi definisi, pendidikan ialah proses pembangunan manusia yang berlaku sepanjang hayat dan meliputi pengilmuan intelek dengan pelbagai disiplin ilmu, kemahiran manipulatif dan vokasional, kemahiran dan kesenian hidup bermasyarakat, kemahiran berbahasa dan komunikasi, akhlak dan rohani, naluri kemanusiaan yang baik, dan pembinaan kearifan mengharungi kehidupan dalam konteks hubungan insan dengan Tuhan. Manakala menurut Hanapiah Sudin (1992, ms. 13) guru bertanggungjawab menyampaikan ilmu kepada anak bangsa demi kemajuan bangsa dan negara. Tugas guru kini sebagai ‘pemimpin’ bukannya mudah kerana guru bukan sahaja perlu menjadi

pemimpin transaksi yang efektif tetapi lebih penting ialah bagaimana menjadi seorang pemimpin transformasi yang bijak menangani cabaran (Abd. Ghani Abdullah dan rakan-rakan, 2005, ms. 70).

Proses pengajaran merupakan suatu seni kerana semasa melaksanakan pengajaran seorang guru yang berkualiti seharusnya kreatif dan inovatif. Pengajaran yang menarik dan berkesan adalah berdasarkan kepada amalan pengajaran guru yang dapat merangsang pemikiran kreatif dan intelek murid-murid. Abd. Ghafar Md. Din (2003, ms. 5) menyatakan bahawa antara prinsip pengajaran yang perlu diberikan perhatian mencakupi aspek perancangan pelajaran, penggunaan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran,elibatan murid secara aktif, mengambil kira perbezaan aras kebolehan dan kognitif murid, mengaitkan isi pelajaran dengan pengetahuan serta pengalaman sedia ada murid, dan merangsang fikiran murid. Lantas, Abd. Ghani Abdullah et al., (2005, ms. 76) menambah bahawa guru yang berkualiti akan mampu mewujudkan sifat rasional, keyakinan diri, dan ketabahan hati di dalam diri setiap murid di samping menggunakan gaya pemikiran kritis, kreatif, logikal, analitikal, emotif, nilai, hipotetikal serta konstruktif.

Dapatlah dirumuskan bahawa untuk melahirkan seorang guru yang berkualiti, prasyarat utama yang guru perlu miliki adalah kesediaan serta kesanggupan guru-guru itu sendiri mengubah paradigma, mengubah cara berfikir, dan bertindak sebagai seorang profesional. Kajian ini akan meneliti aspek ciri-ciri kualiti serta apakah amalan yang

dipraktikkan ketika pengajaran Bahasa Melayu oleh guru yang cemerlang di sebuah sekolah di daerah Kinta Utara, di negeri Perak.

1.3 Penyataan Masalah

Artikel yang ditulis oleh Maszelimon Supa'at bertajuk 'Guru punca kelemahan pelajar?', (2001, ms. 6) menyatakan bahawa guru lazimnya menganggap mengajarkan Bahasa Melayu merupakan perkara yang mudah kerana pengajaran biasanya dikaitkan dengan matlamat untuk memberikan gred kelulusan yang sebaik-baik mungkin dalam peperiksaan. Oleh sebab itu, guru melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu berfokuskan peperiksaan. Ini merupakan satu masalah dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Dapatan kajian oleh Rozita Radhiah Said dan Abdul Rasid Jamian (2012) ke atas lima orang guru cemerlang Bahasa Melayu tentang amalan pengajaran karangan di dalam bilik darjah menunjukkan bahawa pengajaran penulisan karangan masih mengekalkan pendekatan tradisional, iaitu guru memberikan segala perincian pelajaran kepada murid dan pengajaran berpusatkan guru masih mendominasi proses pengajaran karangan. Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan bagi meneliti pengetahuan pedagogi guru yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu melalui amalan berkualiti yang dipraktikkan.

Mahzan Arshad pula dalam artikel beliau yang bertajuk 'Memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah', (2007, ms. 80) menjelaskan bahawa guru tidak menggunakan sebarang landasan atau pegangan yang tertentu semasa

pelaksanaan pengajaran. Beliau menambah bahawa guru melaksanakan komponen nilai dalam pengajaran mereka secara spontan dan kebetulan semata-mata. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti kemahiran guru yang cemerlang menyusun strategi untuk melaksanakan proses pengajaran di dalam kelas.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd dalam bukunya bertajuk 'Guru sebagai pendorong dalam darjah', (2004) turut menulis tentang kegagalan guru menguasai sukatan pelajaran telah menimbulkan masalah dalam pengajaran guru. Kajian turut mendapati guru-guru tidak memahami sukatan baharu mata pelajaran Bahasa Melayu 2003 yang mengandungi kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), dan kemahiran bernilai tambah (KBT). Justeru, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat sejauhmanakah kefahaman serta kebolehan guru mencerakinkan sukatan pelajaran berdasarkan kemahiran yang terdapat di dalam sukatan pelajaran.

Md. Yusoff (2006, dalam Kamarul Azmi Jasmi dan rakan-rakan) pula mendapati bahawa guru masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional berpusatkan guru semata-mata. Situasi begini merupakan satu masalah kerana apabila guru gagal memanfaatkan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) maka keseronokan pembelajaran murid tidak dapat dicernakan oleh guru (Khadijah dan Shahrin, 2006, dalam Siti Fatimah dan Ab. Halim, 2010). Impaknya corak pengajaran guru akan menjadi lesu, kaku, dan statik. Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimanakah guru yang cemerlang mampu membantu mengukuhkan minat belajar murid-murid dengan mewujudkan hubungan interpersonal dan personaliti yang berkesan.

Dapatan kajian oleh Mahzan Arshad (2007) jelas menunjukkan bahawa masalah berkaitan penggunaan kaedah dan strategi pengajaran guru, merupakan salah satu punca utama yang menyebabkan murid-murid menjadi lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru gagal mengaplikasikan kaedah dan teknik pengajaran yang mampu merangsang minda murid-murid ketika mengajar. Justeru, Mazelimon Supa'at (2001, ms. 6-9) menyatakan bahawa keadaan menjadi bertambah rumit apabila guru tidak mempunyai keyakinan tentang keberkesanan kaedah yang digunakan walaupun hasil penyelidikan membuktikan sebaliknya. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat sejauhmanakah pengetahuan yang guru miliki mampu mempraktikkan penggunaan teknik, kaedah, pendekatan, dan strategi yang sesuai semasa pengajaran di dalam kelas.

Bertitik-tolak daripada permasalahan yang telah dikenal pasti, pengkaji berasa terpenggil untuk mengumpulkan maklumat tentang ciri-ciri kualiti serta amalan berkualiti guru yang cemerlang semasa pengajaran. Kajian ini turut membuka peluang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah yang melibatkan pengajaran guru serta melihat sejauhmanakah amalan berkualiti guru mampu meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu. Apabila kajian ini didokumentasi, dikaji, dan dapatannya disebarluaskan kepada umum, maka ekspektasi pengajaran guru yang cemerlang sepatutnya dilaksanakan, akan dapat diteladani dan dicontohi.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri kualiti guru yang cemerlang dalam pengajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak. Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui ciri-ciri kualiti guru yang cemerlang dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Mengetahui amalan berkualiti yang diamalkan oleh guru yang cemerlang semasa proses pengajaran Bahasa Melayu.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat menjawab dua soalan kajian, iaitu:

1. Apakah ciri-ciri kualiti guru Bahasa Melayu yang cemerlang?
2. Apakah amalan berkualiti yang diamalkan oleh guru yang cemerlang semasa pengajaran Bahasa Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk menggariskan ciri-ciri kualiti cemerlang yang dapat membantu guru-guru melaksanakan pengajaran secara berkesan. Sehubungan dengan itu, matlamat untuk penambahbaikan dalam pengajaran dapat direalisasikan melalui ciri-ciri kualiti yang dimiliki oleh guru Bahasa Melayu.

Kajian ini turut dilaksanakan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan penting terutama kepada guru-guru baharu bagi menyusun strategi melaksanakan pengajaran dengan lebih berkualiti dan berkesan. Justeru, kajian ini amat berguna kepada guru novis atau guru sandaran sebagai bahan rujukan kepada mereka untuk memahami perihai ciri-ciri berkualiti seorang guru serta aspek berkualiti dalam amalan pengajarannya. Kajian ini dilihat amat penting untuk dijadikan penanda aras kepada guru-guru baharu berkaitan amalan-amalan berkualiti yang perlu dilaksanakan semasa pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga sekali gus akan dapat membantu guru-guru novis untuk membuat perancangan strategi pengajaran yang berkesan dan berkualiti.

Seterusnya, kajian ini juga penting kepada guru Bahasa Melayu, pihak sekolah, dan Jabatan Pendidikan untuk mewujudkan beberapa cadangan penambahbaikan terutama bagi merancang kursus-kursus peningkatan untuk pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu terutama dalam membuat reka bentuk modul pengajaran yang sesuai untuk pembelajaran murid-murid. Kementerian Pendidikan Malaysia juga dapat merancang program-program kurikulum bersesuaian dengan kehendak pengajaran

abad ke-21 seperti program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Program Penggunaan *i-Think* dalam pengajaran Bahasa Melayu dan seumpamanya bertujuan membantu memantapkan pelaksanaan pengajaran guru Bahasa Melayu.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Justeru, kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan. Antaranya, skop kajian adalah terbatas kepada keperluan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat tentang ciri-ciri kualiti serta amalan guru yang cemerlang dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian terhad kepada sebuah sekolah menengah sahaja, iaitu di daerah Kinta Utara, Perak.

Bilangan peserta kajian juga kecil, terdiri daripada dua orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Raja, Tanjong Rambutan, Perak. Pengkaji telah mengenal pasti kedua-dua peserta kajian berdasarkan tujuan kajian serta ciri-ciri kualiti cemerlang yang dimiliki oleh peserta kajian bersesuaian dengan keperluan pengkaji.

Seterusnya, kajian ini tidak menyentuh keseluruhan aspek ciri-ciri kualiti guru yang cemerlang tetapi berkisar dalam lingkungan gagasan kualiti guru hasil kajian dan penulisan pengkaji-pengkaji yang lepas. Antara aspek yang akan dilihat berdasarkan gagasan kualiti guru mencakupi kualiti guru dari aspek pengetahuan, kemahiran,

personaliti, dan hubungan interpersonal. Pengkaji akan mengenal pasti bahawa ciri-ciri kualiti guru yang cemerlang berdasarkan gagasan kualiti guru apabila diamalkan semasa pengajaran akan menghasilkan seorang guru yang cemerlang berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian sepanjang kajian dilaksanakan.

1.8 Definisi Operasional

Definisi yang diberi terhadap istilah-istilah yang digunakan adalah bersesuaian dengan kajian ini. Berdasarkan kepada tujuan dan kepentingan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang membawa makna khusus seperti berikut:

1.8.1 Guru Bahasa Melayu

Dengan istilah guru Bahasa Melayu di sini, maka guru-guru tersebut merupakan guru yang memiliki kelulusan ikhtisas yang diiktiraf serta layak mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu pada kebiasaannya menerima latihan perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru ataupun di Fakulti Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Dalam konteks kajian ini, guru Bahasa Melayu merupakan guru yang opsyennya adalah Bahasa Melayu dan mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran utama. Abd. Ghani Abdullah et al., (2005, ms. 71) menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu sebagai pemimpin transformasi yang terkehadapan yang

berupaya menjadi pembina manusia baharu melalui ilmu pengetahuan dan pendedahan yang diperoleh sepanjang mengikuti pembelajaran di pusat pengajian tinggi.

Shahril@Charil (2002, ms. 97) turut menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu tidak hanya memiliki kelayakan akademik semata-mata. Kelayakan akademik perlu diiringi dengan pemilihan guru yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang sesuai. Manakala menurut Sufean Hussin (1996) dan Mohd Salleh Lebar (2000) profesion guru Bahasa Melayu dinyatakan dalam bentuk satu set ciri kualiti yang meliputi pengetahuan, kepakaran, sikap, dan nilai dalam sesuatu profesion (Yahya Othman, 2011). Sufean Hussin turut menambah bahawa profesional menjurus kepada seseorang yang mempunyai kelulusan ikhtisas dan diiktiraf sebagai pakar dalam bidang tertentu, mengembangkan pengetahuan dan kemahirannya, serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, guru Bahasa Melayu merupakan guru yang ada nilai profesional, iaitu memiliki ciri-ciri kualiti cemerlang dari sudut ilmu pengetahuan meliputi bidang pedagogi, mengemaskini ilmu keguruan, memiliki personaliti yang positif, dan memahami serta menghayati Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020. Guru Bahasa Melayu dalam kajian ini juga merupakan seorang perancang pengajaran dan pemudah cara, penggerak dan pendorong pengajaran, pembimbing, pemupuk semangat, dan pembentuk sahsiah murid. Justeru, Azizah Lebai Nordin (1999) menambah bahawa guru Bahasa Melayu yang berkualiti mesti memiliki